

**BERITA ONLINE
UTUSAN BORNEO ONLINE
TARIKH: 28 MAC 2022 (ISNIN)**



Fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang di Mukah tengah hari ini



KUCHING: Mukah akan mengalami Fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada jam 12.38 tengah hari ini, (28 Mac).

Diikuti pada 30 Mac, fenomena yang sama dapat disaksikan di Niah pada jam 1.22 tengah hari, disusuli Miri pada 31 Mac jam 12.29 tengah hari dan di Lawas pada 2 April tepat jam 12.23 tengah hari.

Menteri Sains, Teknologi dan Sains (MOSTI), Datuk Seri Dr. Adham Baba dalam kenyataan hari ini berkata, selain Mukah di Sarawak, Bandaraya Kuala Lumpur, Putrajaya, Shah Alam serta beberapa bandar lain juga akan mengalami fenomena yang sama.

"Saya ingin seluruh Keluarga Malaysia menghayati fenomena ini.

"Orang ramai digalakkan keluar rumah lebih awal untuk memerhatikan perubahan bayang-bayang sendiri atau bayang-bayang objek-objek lain di kawasan sekitar," katanya.

Fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang ini merupakan susulan daripada Peristiwa Ekuinoks yang berlaku pada 21 Mac 2022 apabila matahari berada tepat di atas garisan khatulistiwa.

Semasa Peristiwa Ekuinoks, seluruh dunia mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Peristiwa Ekuinoks juga menandakan perubahan musim iaitu bermulanya musim bunga di hemisfera utara bumi manakala di hemisfera selatan bumi pula akan mula mengalami musim luruh.

Fenomena ini dipanggil fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang kerana pada waktu tengah hari, matahari akan berada tepat di atas kepala setiap orang di atas sepanjang garisan khatulistiwa.

Bayang kepala dan badan akan terjatuh ke tapak kaki seolah-olah tiada bayang yang jatuh ke bumi.

Namun begitu, kedudukan Malaysia yang berada agak sedikit ke utara daripada garisan khatulistiwa menyebabkan Malaysia tidak mengalami fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada 21 Mac 2022 yang lalu.

Malaysia telah mula mengalami fenomena Tengah Hari Tanpa Bayang pada hari Rabu lepas, iaitu pada 23 Mac 2022 di bandar-bandar Serian, Sri Aman dan Betong di Sarawak serta Kukup di Johor.

Ini diikuti bandar-bandar lain pada tarikh-tarikh berikutnya sehingga ke bandar terakhir iaitu Kudat dan Jambongan di Sabah pada 7 April 2022.

Selepas 7 April 2022, matahari akan semakin teranjak ke latitud-latitud lebih ke utara iaitu ke negara-negara seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja.